

## Diskaun bayaran PTPTN berakhir 30 April

Oleh Mohd Khidir Zakaria - April 15, 2022 @ 6:40pm

[bhnews@news.com.my](mailto:bhnews@news.com.my)



Ahmad Dasuki Abdul Majid (baju putih), menyerahkan bubur lambuk kepada wakil Ketua Kampung di Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) bersama pelajar Politeknik Port Dickson di sini tadi - Foto NSTP/Mohd Khidir Zakaria

PART DICKSON: Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diberi masa sehingga sehingga tarikh akhir 30 April ini untuk mendapatkan diskauan bayaran.

Menurut Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan diskauan itu perlu melalui aplikasi MyPTPTN atau di 64 cawangannya di seluruh negara.

"Kita beri diskauan 12 peratus bagi pembayaran 50 peratus dari pembayaran penuh pinjaman. Bagi mereka yang ingin buat potongan gaji atau debit terus (direct debit) akan menerima potongan sebanyak 10 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar dalam Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) bersama IPT 2022 di Politeknik Port Dickson di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohamad Isa Azhari.

Tambahnya, PTPTN telah melaksanakan kempen diskauan itu sejak 1 November tahun lalu dan akan berakhir pada 30 April ini.

"Kali terakhir kita (PTPTN) beri diskauan seumpama ini pada tahun 2018. Jadi kami menggalakkan peminjam mengambil kesempatan ini," tambahnya.

Jelasnya, peminjam yang berhasrat untuk dapatkan pengesahan penuh pinjaman boleh membuat permohonan pengesahan baki pinjaman melalui MyPTPTN.

"Selepas membuat pembayaran dan pelarasan peminjam juga boleh dapatkan cetakan baki hutang di dalam aplikasi MyPTPTN.

"Pembayaran menggunakan aplikasi lebih mudah, cepat dan selamat," jelasnya.

Sementara itu, dalam program berkaitan, PTPTN dengan kerjasama Politeknik Port Dickson mengagihkan sebanyak 3,000 bekas bubur lambuk kepada warga politeknik itu yang terdiri daripada kakitangan, pelajar dan komuniti setempat bagi meningkatkan ukhwah dengan masyarakat serta pelajar IPT.

Agihan bubur lambuk ini juga diberikan kepada agensi dan pasukan hadapan (frontliners) sekitar daerah Port Dickson iaitu Balai Polis Teluk Kemang, Balai Bomba Teluk Kemang, Hospital Port Dickson dan Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) Port Dickson.